


Resepi Ibu Kek Sandwich

mudah & ringkas!

Bahan-bahan:

- 1 cawan tepung gandum
- 1 cawan gula halus
- 3 biji telur ayam
- 1/4 cawan mentega (70/80g)
- 1 sudu golden syrup
- 1 camca baking powder
- Jem strawberi (atau raspberi) secukup rasa
- Buah strawberi untuk perhiasan



Cara Penyediaan:

- Masukkan **gula dan mentega** dalam bekas yang sesuai dan kacau sehingga sebati menggunakan hand mixer
- Masukkan **telur** dan kacau sehingga kembang
- Tambah **golden syrup** serta **baking powder** dalam adunan dan kacau menggunakan sudip sehingga adunan sebati
- Masukkan **tepung sedikit demi sedikit** dan gaul sehingga rata
- Sendukkan adunan sama banyak ke dalam 2 loyang pembakar yang sama saiz dan bakar pada **suhu 130°C selama 25 minit**
- Angkat dan sejukkan kek selama 10-15 minit
- Keluarkan kek daripada loyang pembakar dan terbalikkan kek di atas rak penyejuk
- Apabila sudah sejuk, **sapukan jem strawberi atau raspberi** di permukaan kedua-dua kek dan **apitkan**
- Hiaskan atas permukaan kek dengan **taburan gula halus** dan tambah buah strawberi jika suka



Selamat mencuba! :)